



Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) mempelawa Warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan seperti berikut:

### IKLAN BILANGAN 3/2022 JAKIM

## **PENOLONG PENGURUS ASRAMA GRED N29 (CONTRACT OF SERVICE)**

Taraf jawatan : **Kontrak (Contract of Service)**  
Bayaran Gaji : RM1,493.00 Minima  
Penempatan : Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah (IPDAS) (1 kekosongan)

### **DESKRIPSI TUGAS**

Menolong melaksanakan aktiviti di bawah Kolej Kediaman dari segi pengurusan penginapan pelajar, pemantauan dan penyelarasan laporan kerosakan kolej kediaman untuk penyelenggaraan, pengurusan dan penyediaan laporan keselamatan/ kebersihan dan keceriaan asrama, perancangan dan penyelarasan keperluan fasiliti kolej kediaman, pendaftaran dan penjagaan perabot di asrama, perancangan dan permohonan peruntukan bagi kebajikan pelajar di asrama, pengurusan tuntutan bayaran makanan dewan makan, memastikan dewan makan sentiasa mengikut spesifikasi yang ditetapkan seperti di dalam kontrak perkhidmatan dan memastikan asrama berada dalam keadaan selamat untuk didiami oleh pelajar IPDAS.

### **SYARAT PERMOHONAN**

1. Warganegara Malaysia;
2. Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
3. Berkelulusan:
  - (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. **(Gaji permulaan ialah pada Gred N29: RM1,493.00); atau**
  - (ii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. **(Gaji permulaan ialah pada Gred N29: RM1,493.00); atau**
  - (iii) Diploma yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. **(Gaji permulaan ialah pada Gred N29: RM1,770.95)**
  - (iv) Memiliki kepujian sekurang-kurangnya Gred C dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat SPM/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

#### **Keutamaan:**

4. Berpengalaman dalam mengendalikan aktiviti kerohanian di Kolej Kediaman dan menguatkuasakan peraturan kolej kediaman yang sedang berkuatkuasa.

## PEMATUHAN KEPADA SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN

Permohonan adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan bagi jawatan yang dimohon yang sedang berkuat kuasa dan pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

## CARA MEMOHON

1. Pemohon-pemohon hendaklah membuat permohonan **secara dalam talian** dengan melayari Portal Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia di alamat: <http://www.spa.gov.my>
2. Alamat untuk surat-menyurat, alamat e-mel dan nombor telefon pemohon untuk dihubungi hendaklah tepat, terkini dan masih aktif.
3. Hanya permohonan yang dibuat dalam tempoh iklan akan diproses.
4. Sebarang keterangan lanjut boleh dirujuk kepada:
  - Unit Kontrak, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, JAKIM  
☎ 03-8870 7614 / 03-8870 7617 / 03-8870 7637

## TARIKH TUTUP PERMOHONAN

**13 MEI 2022 (JUMAAT)/ JAM 11.59 MALAM**